



unicef 
for every child

Perkenalkan Siri CRC Kami

Siri ini disediakan bersempena:

- 30 tahun Malaysia menandatangani Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC)
- '*Countdown*' libat urus Malaysia bersama Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Januari 2026

Dalam siri ini, kita akan memahami penglibatan Malaysia dalam CRC:

- Apa itu CRC ?
- Apakah kewajipan Malaysia di bawah CRC ?
- Apa kuasa CRC ?



Apa itu CRC ?

1

CRC merupakan perjanjian antarabangsa untuk mempromosi dan melindungi hak kanak-kanak



2

Diterima pakai oleh Perhimpunan Agung PBB pada 20 November 1989



3

Tarikh ini kini disambut sebagai 'Hari Kanak-Kanak Sedunia'



4

Negara yang terikat dengan CRC digelar sebagai 'Negara Pihak'

5

Negara Pihak boleh pilih peruntukan dalam CRC yang mereka tidak mahu terikat



6

Malaysia menjadi 'Negara Pihak' kepada CRC pada 17 Februari 1995



Apakah tanggungjawab Negara Pihak di bawah CRC ? Bagaimana CRC dikuatkuasakan ?



1

Negara Pihak hendaklah melindungi dan mempromosi hak kanak-kanak



2

Dalam tempoh 2 tahun selepas menyertai CRC, Negara Pihak mesti menghantar Laporan Awal kepada sebuah jawatankuasa di PBB mengenai pelaksanaan hak kanak-kanak



3

Jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa Hak Kanak-Kanak



4

Selepas itu, laporan hendaklah dihantar oleh Negara Pihak setiap 5 tahun - disebut sebagai 'Laporan Berkala'

5

Jawatankuasa PBB akan menyemak laporan, mendengar pandangan ramai pihak dan menentukan sejauh mana negara telah menegakkan CRC



6

Selepas mendapat pandangan pelbagai pihak, Jawatankuasa PBB ini mengadakan sesi bersama Kerajaan untuk membincangkan laporan yang disediakan



1

20 Disember 2006
Malaysia hantar
Laporan Awal
mengenai hak
kanak-kanak kepada
Jawatankuasa PBB

3

2 Februari 2007
Jawatankuasa PBB
keluarkan
Pemerhatian
Penutup dan
cadangan untuk
menambahbaik
hak kanak-kanak

4

5 Ogos 2021
Malaysia hantar
Laporan Berkala
Gabungan ke-2
hingga ke-4

2

15 Januari 2007
Jawatankuasa PBB
bertemu dengan wakil
Kerajaan Malaysia
dan berbincang
tentang Laporan Awal
dan pelaksanaan
hak kanak-kanak

5

Februari 2025
Jawatankuasa PBB
mendengar pendapat
daripada pelbagai
pihak mengenai hak
kanak-kanak di
Malaysia. Ini termasuk
pendapat daripada
kanak-kanak

Garis Masa Ringkas Malaysia & CRC



Apa yang Akan Berlaku pada 2025 ?

1

Pada Januari 2026, Jawatankuasa PBB akan berdialog dengan Kerajaan Malaysia untuk menyemak perkembangan hak kanak-kanak. Proses ini disebut sebagai 'Sesi'



2

Semasa 'Sesi' ini berlangsung, Malaysia akan membentangkan kemajuan hak kanak-kanak dan menjawab persoalan berkaitan isu kanak-kanak sejak Pemerhatian Penutup pada tahun 2007



3

Bagaimanakah **ANDA** boleh melibatkan diri?

- Fikirkan bagaimana hak kanak-kanak telah dilaksanakan di Malaysia
- Bercakap dengan keluarga dan rakan anda mengenai CRC
- Ikuti siri ini untuk belajar banyak lagi tentang CRC !

